

Kesan arahan dirasakan oleh semua

SETIAP rakyat negeri ini, sama ada sedar atau tidak, pasti menerima kesan sikap tegas kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

— Ia dirasakan sama ada oleh rakyat biasa atau membabitkan kakitangan kerajaan.

— Di segi peraturan dan konsep baru yang diperkenalkan, seseorang dapat membuktikan kesannya.

— Jika mereka melihat keadaan yang bersih di keliling mereka atau kehijauan bandar, itu juga ialah antara kesan arahan dan peraturan kerajaan yang dikuatkuasakan.

— Begitu juga dengan kakitangan kerajaan. Jika mereka melihat pejabat mereka bersih, teratur dan tersusun, itu juga adalah peraturan yang dikuatkuasakan oleh kerajaan.

— Yang pentingnya sekarang, mereka sudah mula membiasakan diri dengan keadaan yang diperkenalkan, meskipun pada mulanya ia dianggap membebankan.

Patuh

— Menurut Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia (Mampu), Dr Othman Yeop Abdullah, setiap kakitangan kerajaan perlu memastikan setiap arahan benar-benar dipatuhi.

— Mereka tidak sepatutnya berada di dalam pejabat semata-mata, tetapi hendaklah memeriksa setiap unit atau jabatan pentadbiran masing-masing.

— Berasaskan kepada hakikat inilah Datuk Seri Dr Mahathir juga mewujudkan konsep Kepemimpinan Melalui Teladan, supaya ketua-ketua pengarah dan pegawai-pegawai atasan menunjukkan sikap yang baik.

— Sama ada seseorang itu kakitangan kumpulan A atau D, masing-masing perlu melicinkan pentadbiran dan imej sesebuah jabatan.